

6.1 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, berdasarkan hasil perbincangan disertasi ini, penulis telah membuat beberapa rumusan bahawa kedatangan agama Islām ke ‘Ālam Melayu merupakan satu titik permulaan yang membawa perubahan dalam sejarah peradaban masyarakat Melayu di seluruh ‘Ālam Melayu. Islam telah membawa satu proses transformasi menyeluruh dalam semua aspek kehidupan masyarakat Melayu. Justeru, untuk melihat sejauh manakah impak pengaruh perkembangan Islām ke atas masyarakat Melayu di ‘Ālam Melayu, penulisan ini telah diperincikan kepada beberapa konsep kajian yang utama, latar belakang permasalahan dalam aspek agama, sosiobudaya dan politik masyarakat Melayu.

Penelitian dan kajian juga dilakukan terhadap sumber-sumber yang terdahulu bagi mendapatkan ma'lumat-ma'lumat yang tepat. Dalam usaha ini, penulis telah menggunakan pelbagai metodologi kajian. Memandangkan skop kajian topik ini agak meluas, penulis hanya menumpukan kepada aspek-aspek tertentu seperti, ‘aqīdah, ‘ibādah, akhlāq, ‘ādaṭ dan norma, mu‘āmalat, politik dan pendidikan. Manakala, batasan kajian penulis hanya menfokuskan kepada masyarakat Melayu di ‘Ālam Melayu termasuklah Sumatera Utara (Aceh, Samudera-Pasai dan Perlak), Semenanjung Tanah Melayu (Melaka dan Johor Riau), Indo-China (Campa), Selatan Thailand (Patānī), Jawa (Demak, Bantam dan Gerisik) dan Brunei.

Selanjutnya, penulis juga memberi definisi agama Islām dari segi istilāh dan bahasa agar dapat difahami secara jelas. Seperti mana yang diketahui, perkembangan Islām di ‘Ālam Melayu cukup menarik sekali untuk diperbahaskan. Oleh itu, ramai pengkaji yang terdiri daripada sarjana Islām dan Barat telah cuba mengkaji tentang asal usūl kedatangan Islām di ‘Ālam Melayu. Antara mereka ialah S.M.N. al-Attas, S.Q. Fatimi, Ibn Batutah, Prof. A.Hajmy, Dr. Hamka, Marco Polo, R.A. Kern, J.P. Moquette, G.E. Morrison, T.W. Arnold dan banyak lagi pengkaji-pengkaji lain yang begitu bersungguh membuat kajian.

Berdasarkan kajian-kajian tersebut, mereka telah memperolehi bukti-bukti yang jelas yang membawa kepada tercetusnya pelbagai pandangan yang berbeza. Ada yang mengemukakan teori kedatangan Islām ke ‘Ālam Melayu berdasarkan teori daripada India, Indo-China, ‘Arab dan Farsi. Justeru itu, untuk mengetahuinya secara tepat, penulis telah menjelaskan sejarah awal kedatangan Islām ke ‘Ālam Melayu mengikut sejarah sejak dari permulaan abad pertama sehingga abad yang ke-19 M. Kesahihan teori ini dapat dibuktikan dengan wujudnya kesan-kesan peninggalan sejarah kedatangan Islām ke ‘Ālam Melayu seperti batu-batu bersurat dan manuskrip-manuskrip lama.

Kegemilangan sejarah perkembangan Islām di ‘Ālam Melayu menonjol dengan kemunculan pusat-pusat utama perkembangan Islām. Antaranya Champa, Samudera Pasai, Perlak, Aceh, Melaka, Jawa, Brunei dan sebagainya. Peranan para ‘ilmuan dan cendekiawan Islām telah membawa kepada perkembangan tamadun intelektual. Tradisi pengajian pondok (*pesantren*) yang menjadi jambatan ‘ilmu telah berjaya melahirkan ‘ulamā’-‘ulamā’ dan cendekiawan dalam pelbagai bidang. Dari segi kerohanian,

peranan ahli ṣūfī memang berkait rapat dengan sejarah pengislaman masyarakat di ‘Ālam Melayu. ‘Ilmu tasawwuf merupakan antara jenis ‘ilmu yang popular dalam masyarakat Melayu. Karya-karya al-Ghazālī khususnya kitāb Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn, begitu banyak diterjemah dan disebar luas ke seluruh pelusuk dunia.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa kepesatan perkembangan Islām di ‘Ālam Melayu sejak awal abad hijrah sehingga kini adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang utama. Antara faktor-faktornya ialah kesyumulan agama Islām yang mencakupi semua aspek kehidupan, faktor perkahwinan, perdagangan, penaklukan dan politik serta peranan ‘ulamā’ dan ahli ṣūfī. Senario ini seterusnya telah membawa kepada perkembangan Islām secara lebih meluas dan mendalam yang membawa kepada perubahan dari segi agama, budaya, ekonomi dan sebagainya ke dalam setiap lapisan masyarakat Melayu.

Häṣīl interaksi antara agama-agama di ‘Ālam Melayu dapat dilihat pada ‘amalan-amalan masyarakat Melayu yang berubah-ubah mengikut ajaran yang mereka anuti bermula dari *animisme*, *dinamisme*, Hindu-Buddha dan seterusnya Islām. Walau bagaimanapun, hanya Islām sahaja yang mampu membawa perubahan *worldview* masyarakat Melayu daripada pemikiran yang sempit berdasarkan kepada taḥayul, dongeng kepada pemikiran yang rasional dan intelek berdasarkan ketawhidan kepada

Allāh s.w.t.

Tidak syak lagi, agama Islām telah berjaya mengadaptasi dan mengasimilasi nilai-nilai agama lain yang tidak bertentangan dengan syarī‘at Islām. Sementara ‘adat-adat yang bertentangan dengan ajaran Islām pula sedikit demi sedikit dihapuskan. Di samping itu,

terdapat juga perubahan-perubahan yang dikesan wujud dalam aspek-aspek politik, penta'biran, bahasa, sastera dan budaya.

Sesungguhnya, proses islamisasi di ‘Ālam Melayu telah membawa perubahan kepada tamadun Melayu. Islām telah membawa perubahan dalam aspek ‘aqīdah, ‘ibādah, mu‘āmalat, ‘ādat dan norma, politik dan pendidikan. Dengan ini, lahirlah masyarakat Melayu Islām di dalam kesatuan ‘aqīdah, ‘ibādah dan syarī‘ah Islamīyyah. Dalam erti kata lain, Islām telah mendasari *worldview* masyarakat Melayu berdasarkan kepada al-Qur’ān dan Ḥadīth. Walaupun begitu, masih wujud masalah-masalah dalam sosiobudaya, agama, politik dan pendidikan. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan masyarakat Melayu tidak menghayati ajaran Islām yang sebenar. Oleh kerana tiada pegangan ‘aqīdah yang kukuh, masyarakat Melayu mudah terpengaruh dengan budaya-budaya Barat, pengaruh persekitaran yang tidak sihat dan kepercayaan kepada khurāfat yang memang bertentangan dengan ajaran Islām.

6.2 SARANAN

- (1) Institusi pendidikan seperti sekolah, surau dan masjid perlu dijadikan sebagai tempat untuk menyampaikan ‘ilmu-ilmu Islam yang sebenar. Ia perlu dipraktikkan dan didedahkan penyelewengan kepercayaan karut kepada masyarakat Melayu Islām yang boleh membawa kepada pemikiran dogmatik dan dibelenggu dengan fahaman statik yang bertentangan dengan ajaran Islām. Islām mengajar umatnya supaya berfikiran secara rasional dan intelek yang

berasaskan kepada ajaran Islām dan bukannya bersumberkan bomoh, pawang atau dukun.

- (2) Guru-guru agama perlu memainkan peranan penting terhadap pendekatan pendidikan Islam yang lebih efektif agar umat Melayu Islam dapat memahami dan menghayati ajaran Islam yang sebenar yang bersumberkan al-Qur'ān dan Ḥadīth. Sekiranya umat Melayu Islām tidak memahami dan menghayati ajaran Islām yang sebenar, adalah mudah untuk mereka terpengaruh dengan gejala-gejala buruk yang boleh meruntuhkan peradaban umat Islām sendiri. Bagi mengembalikan semula umat Islām kepada ajaran Islām, mereka perlulah kembali kepada cara hidup yang berlandaskan 'aqīdah, 'ibādah dan mu'amalat. Ini kerana ketiga-tiga faktor ini menjadi kekuatan dalam tamadun peradaban umat Islām dan merupakan proses yang berterusan dalam kehidupan masyarakat Melayu Islām..
- (3) Ibu bapa perlu berperanan utama untuk menyemai jati diri anak-anak sebagai orang Islam. Keadaan ini adalah sejajar dengan konsep Melayu, kedinamikan budaya dan kekuatan agama Islām sebagai asas kekuatan peradaban Melayu. Sekiranya ketiga-tiga kekuatan ini terhakis, masyarakat Melayu Islām akan terpinggir, hilang jati diri, rasa yaqīn, daya juang dan sebagainya.
- (4) Oleh itu, peranan semua pihak terutamanya pihak kerajaan, swasta, ibu-bapa dan seluruh masyarakat perlulah digemblng bagi mencegah kegiatan-kegiatan tidak bermoral dalam kehidupan masyarakat kita agar mereka dapat menjadi

masyarakat yang ber'ilmu, ber'amal dan berjasa kepada agama, bangsa dan negara.

6.3 KESIMPULAN

Dapatan utama *hāṣīl* dari kajian ini dengan jelas menunjukkan bahawa Islām telah membawa pengaruh yang cukup besar terhadap tamadun Melayu. Ianya mencakupi pelbagai aspek dalam kehidupan masyarakat Melayu Islām seluruhnya. Islām telah berjaya membawa penyatuan masyarakat Melayu menerusi ikatan *Tawhīd* iaitu percaya kepada Allāh yang Maha Esa sehingga dapat membentuk budaya Melayu dan hidup dalam ukhūwwah *Islamīyyah*.

Haqīqat ini telah tertanam dalam jati diri orang-orang Melayu. Ternyata, tanpa Islām, masyarakat Melayu akan kehilangan nilai-nilai keperibadiannya. Ini kerana hubungan Melayu dan Islām telah menjadi begitu sebat. Malahan, pada *haqiqatnya*, Islāmlah yang membentuk keperibadian Melayu yang unggul, mendasari *worldview* Melayu, dan seterusnya membentuk etos dan citarasa Melayu. Berbanding dengan Islām, pengaruh Hindu-Buddha tidaklah mendatangkan revolusi yang menyeluruh terhadap masyarakat di 'Ālam Melayu terutamanya dari segi cara hidup, perhubungan dan pemikiran mereka.

Islām adalah faktor utama yang membentuk masyarakat Melayu ke arah mencapai tahap masyarakat teras (*khāiru ummah*). Ia membawa arus kehidupan umat Melayu ke arah yang lebih positif. Kesannya, apa sahaja bentuk perubahan yang melanda, mereka dapat menanganinya dengan penuh kematangan dan pemikiran yang positif. Bahkan, Islāmlah

yang menjadi tunjang yang menapis dan mengimbangi segala bentuk perubahan dan kemajuan yang dialami oleh masyarakat Melayu di ‘Ālam Melayu.

Perkembangan Islām yang pesat di ‘Ālam Melayu sebenarnya dipengaruhi oleh kedudukan politik yang stabil di rantau ini. Keadaan ini telah menggalakkan ramai pedagang-pedagang dari ‘Arab, Parsī, India dan seluruh dunia datang berdagang di ‘Ālam Melayu. Malahan, pada masa yang sama mereka turut gigih menyebarkan da‘wah Islāmīyyah kepada masyarakat Melayu.

Kedatangan Islām juga telah dapat menamatkan tradisi perhambaan dalam sistem *feudal* Melayu-Hindu. Dalam masa yang sama ia telah mengangkat martabat masyarakat Melayu dengan membebaskan mereka daripada ‘amalan diskriminasi dan telah mengembalikan hak-hak persamaan kemanusiaan mereka. Islām juga telah membimbing umat Melayu meninggalkan budaya taḥayul pra-Islām dan menuju kepada peradaban baru yang bersifat sejagat, rasional dan intelek.

Kelahiran pusat-pusat utama perkembangan agama Islām di ‘Ālam Melayu seperti yang telah dinyatakan, membuktikan bahawa agama Islām telah diterima oleh masyarakat Melayu secara keseluruhannya. Ekoran daripada perkembangan ini, lahir pusat-pusat pengajian Islām bukan sahaja di peringkat rendah malah di peringkat tinggi seperti universiti di ‘Ālam Melayu. Sistem pengajiannya pula tidak terbatas kepada ‘ilmu-‘ilmu agama sahaja malah turut menumpukan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan pemerintahan, pengurusan dan sebagainya. Di samping itu, istana dan masjid juga dijadikan pusat pengajian Islām.

Kelahiran ramai ‘ulamā’-‘ulamā’ di setiap negeri di ‘Ālam Melayu turut menggalakkan perkembangan pendidikan dan pada masa yang sama banyak menghasilkan penulisan dalam pelbagai bidang untuk rujukan masyarakat Islām..

Kesimpulannya, jelaslah bahawa Islām telah menjadi wadah utama dalam pembinaan sebuah peradaban yang besar bagi umat Islām di ‘Ālam Melayu dan berjaya mengangkat martabat masyarakat Melayu ke tahap yang tinggi.